

## **Penguasaan Kesusasteraan Tradisional Cina dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah**

**Chew Fong Peng, Pang Swee Fong \***

Jabatan Bahasa dan Literasi Pendidikan  
Universiti Malaya.

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan penguasaan pengetahuan Sastera tradisional Cina, perbezaan dalam tahap pencapaian antara pelajar lelaki dengan perempuan, dan hubungan antara penguasaan pengetahuan kesusasteraan tradisional Cina dengan pencapaian akademik. Kajian ini dilakukan di dua buah sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) di bandar Klang, Selangor. Alat kajian ini terdiri daripada satu set ujian penguasaan sastera tradisional Cina dan satu set soal selidik yang dibangunkan berdasarkan Teori Pemerolehan Bahasa. Responden ialah 104 orang pelajar tingkatan empat, yang terdiri daripada 52 orang pelajar dipilih secara rawak dari dua buah sekolah berkenaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min tahap penguasaan pengetahuan kesusasteraan tradisional Cina dalam kalangan pelajar tingkatan empat hanya pada 39,56. Tidak ada perbezaan yang signifikan dalam penguasaan pengetahuan kesusasteraan tradisional Cina antara pelajar lelaki ( $M = 37,69$ ,  $SP = 10,48$ ) dengan pelajar perempuan ( $M = 41,42$ ,  $SP = 12,55$ ),  $t(102) = -1,65$ ,  $p > .05$ , tetapi terdapat korelasi positif yang signifikan antara skor ujian penguasaan pengetahuan sastera tradisional Cina ( $M = 39,56$ ,  $SP = 11,66$ ) dan gred yang diperoleh oleh pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Cina dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah ( $M = 3,77$ ,  $SD = 1,27$ ),  $r = 0,686$ ,  $p < .01$ ). Keputusan menunjukkan bahawa tindakan perlu diambil untuk meningkatkan kepentingan dalam kesusasteraan tradisional Cina. Untuk meningkatkan pengetahuan pelajar dalam kesusasteraan tradisional Cina, sukatan pelajaran Bahasa Cina juga perlu dilaksanakan dengan berkesan.

*Kata kunci:* penguasaan, sastera tradisional Cina, sekolah menengah jenis kebangsaan, Bahasa Cina, Teori Pemerolehan Bahasa

---

\* Chew Fong Peng, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa dan Literasi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya; Pang Swee Fong, Sarjana Pendidikan Bahasa, Jabatan Bahasa dan Literasi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

## **The Acquisition of Knowledge in Chinese Traditional Literature among the Secondary Schools Students**

**Chew Fong Peng, Pang Swee Fong \***

Department of Language and Literacy Education  
University of Malaya.

### **Abstract**

This study was designed to determine the acquisition of knowledge in Chinese traditional literature, the difference in the level of acquisition between male and female, and the relationship between the acquisition of knowledge in Chinese traditional literature and academic achievement among the secondary students. This study was done in two national-type schools (SMJK) in the city of Klang, Selangor. The instrument consisted of a set of acquisition test and questionnaire drafted based on the Language Acquisition Theory. The respondents were 104 form four students, consisting of 52 students randomly chosen from two schools. The findings showed that the mean score of form four students' level of acquisition of Chinese traditional literary knowledge was only at 39.56. There was no significant differences in the acquisition of Chinese traditional literary knowledge between male students ( $M = 37.69$ ,  $SD = 10.48$ ) and female students ( $M = 41.42$ ,  $SD = 12.55$ ),  $t(102) = -1.65$ ,  $p > .05$ , but there was a significant positive correlation between the acquisition test scores of Chinese traditional literary knowledge ( $M = 39.56$ ,  $SD = 11.66$ ) and the grades obtained by the students in the Chinese subject in the Lower Secondary Assessment Examination ( $M = 3.77$ ,  $SD = 1.27$ ),  $r = .686$ ,  $p < .01$ ). The results show that actions should be taken to raise students' interest in traditional literature and to improve students' acquisition of Chinese traditional literary knowledge as well as to ensure that the Chinese syllabus is implemented effectively.

*Keywords:* acquisition, Chinese traditional literature, national-type secondary school, Chinese language

---

\* Chew Fong Peng, Senior Lecturer, Department of Language and Literacy Education, Faculty of Education, University of Malaya; Pang Swee Fong, Master in Language Education, Department of Language and Literacy Education, Faculty of Education, University of Malaya.

## Pendahuluan

Menurut Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Tingkatan Empat dan Lima Bahasa Cina (2001), penggunaan bahan sastra dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah berkesan dalam pembentukan individu yang seimbang dan harmonis dengan penghayatan seni bahasa yang indah dan bermakna. Hal ini adalah disebabkan hubungan sastra dengan bahasa adalah seumpama irama dan lagu di mana bahasa membentuk karya sastra dan sastra pula menjana pemikiran penulis melalui bahasa. Sastra dapat dijadikan sebagai bahan dan rangsangan yang sesuai demi membantu pelajar dalam pencapaian matlamat pendidikan melalui latihan terhadap deria, kecerdasan, perasaan dan kesedaran bermasyarakat (Deng, 2003; Tu, 2013). Dengan ini, peranan sastra dalam pendidikan bahasa jelas terserlah kerana bahan sastra menampilkan bahasa yang tulen dan membolehkan pembaca mendapat imbasan tentang realiti budaya dan tradisi masyarakat tertentu (Pakinson & Thomas, 2000; Md. Salleh Yaapar, 2002; Zhu, 2011).

## Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, sukatan pelajaran baru bagi ketiga-tiga bahasa utama yang digunakan mulai tahun 2000 di semua sekolah menengah merangkumi tiga bidang penggunaan bahasa, iaitu interpersonal, maklumat dan estetik. Bidang estetik ini merujuk kepada keupayaan pelajar dalam menikmati karya sastra dan melahirkan perasaan secara kreatif (Nik Safiah Karim, 2002). Oleh yang demikian, kesusasteraan telah dimasukkan dalam kurikulum pendidikan bahasa dan menjadi satu elemen yang penting.

Para sarjana barat telah mengakui bahawa banyak faedah yang boleh diperolehi dengan penggunaan bahan sastra dalam kelas bahasa, antaranya sastra memperkayakan pengetahuan kebudayaan seseorang, memberi contoh penulisan yang baik, melatih pemikiran seseorang dan sebagainya (Pakinson & Thomas, 2000; Craft, 2001; Mohamad. & Amir Hossein, 2012). Proses pembacaan sastra merupakan aktiviti menyeronokkan yang dapat membangkitkan emosi, impian, aspirasi dan keperluan komunikatif. Dalam hal ini, pengajaran sastra dalam kelas bahasa menggalakkan penemuan-pembelajaran pelajar untuk mengambil pendirian kritikal semasa mentafsirkan makna yang membuat mereka memandang kesusasteraan sebagai pengalaman peribadi dan mengambil tanggungjawab pembelajaran mereka (British Council, 2013).

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan sejak tahun 1988, disemak pada tahun 2000 dan diguna sehingga hari ini. Hasil kajian Chiah (2005) menyimpulkan bahawa pendidikan kesusasteraan merupakan elemen penting dalam sukatan pelajaran KBSM Bahasa Cina baru dengan adanya keunikan pengajaran pengetahuan kesusasteraan Cina melalui pengajaran mestika Cina (*mingju jinghua*) selain daripada prosa dan puisi tradisional Cina. Zhang (2009) juga berpendapat bahawa mestika Cina merupakan elemen penting dalam pendidikan Bahasa Cina dan berfungsi sebagai media untuk memperkembangkan budaya Cina.

Elemen kesusasteraan tradisional memperlihatkan kepentingannya dalam sukatan pelajaran Bahasa Cina sekolah menengah setiap tingkatan melalui penelitian pemilihan

bahan dalam buku teks. Pemilihan teks sastera tradisional dalam buku teks yang merangkumi prosa dan puisi tradisional digunakan pada setiap tingkatan. Selain itu, 98% daripada kandungan mestika Cina yang diajarkan dalam setiap tingkatan itu diambil daripada hasil karya sastera tradisional seperti yang dipaparkan dalam jadual 1.

Jadual 1

*Taburan Bahan Sastera Tradisional dalam Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Menengah yang digunakan mulai Tahun 2003*

Tingkatan	Teks tradisional		<i>Mingju jinghua</i>	
	kekerapan	% (n=25)	kekerapan	% (n=40)
Peralihan	5	20	30*	100
1	6	24	40	100
2	8	32	38	95
3	10	40	39	98
4	9	36	38	95
5	8	32	40	100
Jumlah	46	31	225	98

*Nota.* \* Tingkatan peralihan hanya ada 30 *Mingju jinghua* kesemuanya.

Jadual 1 jelas menunjukkan bahawa komponen sastera tradisional dalam Kurikulum Bahasa Cina sekolah menengah adalah komponen yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina. Yeap (2011) juga mengakui bahawa komponen sastera tradisional dalam sukatan pelajaran Bahasa Cina sekolah menengah adalah sangat penting, iaitu lebih kurang 30% daripada kurikulum. Ini menepati matlamat pengajaran sastera tradisional untuk menambahkan pengetahuan pelajar dalam aspek kesusasteraan dan meningkatkan sahsiah pelajar dengan penghayatan karya-karya sastera terutamanya melalui pengajaran mestika Cina seperti yang dihuraikan dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2000.

### Pernyataan Masalah

Mengikut pengkategorian mata pelajaran menengah dalam laman web Kementerian Pelajaran Malaysia, mata pelajaran Bahasa Cina merupakan mata pelajaran tambahan dalam pendidikan sekolah menengah pada hari ini. Oleh sebab Bahasa Cina bukan mata pelajaran wajib, didapati ramai pelajar tidak memilih untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina pada peringkat sekolah menengah walaupun mereka telah mendapat pendidikan dalam Bahasa Cina dari sekolah rendah aliran Cina

selama enam tahun. Buktinya adalah pengurangan jumlah calon yang mengambil Bahasa Cina dalam peperiksaan PMR dan SPM dua tahun selepasnya seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

*Bilangan Calon Bahasa Cina PMR dan SPM*

Calon PMR (tahun)	Calon SPM (tahun)
60,585 (2004)	48,380 (2006)
68,045 (2005)	55,335 (2007)
66,170 (2006)	53,439 (2008)
68,794 (2007)	54,609 (2009)
71,455 (2008)	54,947 (2010)
71,533 (2009)	53,799 (2011)
69,650 (2010)	53,298 (2012)
68,325 (2011)	51,685 (2013)

*Nota.* Sumber daripada *sinchew-i.com*, 2004-2014.

Jadual 2 menunjukkan secara puratanya terdapat pengurangan kira-kira 15 ribu orang calon dengan membandingkan jumlah calon yang mendaftar untuk Bahasa Cina PMR pada sesuatu tahun dan jumlah calon yang mendaftar Bahasa Cina SPM dua tahun selepas itu.

Data ini dapat menjelaskan hasil kajian Chia (2005) ke atas 30 orang responden di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Selangor yang menunjukkan peratus keciciran sebanyak 73.3% berlaku pada pelajar tingkatan empat. Mengikutnya, antara sebab utama yang menyebabkan keciciran adalah kesukaran dalam memahami teks tradisional Bahasa Cina. Ini menampakkan keperluan penguasaan dalam sastera tradisional yang menjadi penentu pengambilan mata pelajaran ini pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Penguasaan dalam kesusasteraan pada akhirnya akan membantu pelajar dalam keupayaan membaca dan menulis dalam bahasa tertentu (Duff, 2007; Mohamad & Amir Hossein, 2012). Ia juga membantu dalam pembentukan kepekaan pelajar terhadap variasi Bahasa (IEA, 2012). Sehubungan itu, pemerhatian dalam kajian Lee (2004) menunjukkan majoriti pelajar lepasan SPM yang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) dalam maktab perguruan adalah kekurangan pengetahuan sastera dan mereka mengalami kesukaran untuk mempelajari sastera. Keadaan ini adalah di luar

jangkaan kerana bakal guru-guru ini bertanggungjawab untuk mendidik dan menanam minat para pelajar dalam Bahasa Cina termasuklah kesusasteraan tradisional.

Hasil kajian Zhang (2009) ke atas 600 orang pelajar dari lima buah sekolah menengah di daerah Johor Bahru, Johor melaporkan bahawa sebanyak 88.33% orang pelajar berpendapat pembelajaran mestika Cina dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina adalah sangat penting. Hasil kajian Zhang (2009) ini juga menunjukkan kekurangan pengetahuan latar belakang kesusasteraan menyebabkan pelajar tidak dapat belajar dengan lebih berkesan dalam pembelajaran mestika Cina. Keadaan ini adalah di luar jangkaan kerana elemen kesusasteraan tradisional merupakan komponen penting dalam kurikulum Bahasa Cina sekolah menengah. Jika bahan sastera tradisional yang dipelajari itu begitu banyak, mengapakah tahap penguasaan pelajar masih tidak memuaskan?

Tambahan pula, tiada kajian yang mengkaji tahap penguasaan terhadap pembelajaran kesusasteraan tradisional Cina dijalankan di Malaysia, maka kajian ini menampakkan keperluannya untuk dijalankan. Selain itu, kajian ke atas 100 orang budak dalam lingkungan umur 6 hingga 18 tahun di India menunjukkan bahawa budak perempuan lebih suka kepada bahan seni dan sastera berbanding dengan budak lelaki (Rita Rani, Raj Pathania & Shubhangna Sharma, 2006). Adakah ini bererti pelajar perempuan mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding dengan lelaki dalam bidang sastera?

Di samping itu, terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa pelajar lelaki biasanya mempunyai pencapaian yang rendah dalam bahasa berbanding dengan pelajar perempuan (Van de gaer, Pustjens, Van Damme, & De Munter, 2007). Pelajar perempuan juga menunjukkan sikap pembelajaran yang lebih positif berbanding dengan pelajar lelaki pada peringkat sekolah menengah yang bertutur Bahasa Belanda (Van de gaer, Pustjens, Van Damme, & De Munter, 2009). Di samping itu, kajian-kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat, Australia, Taiwan dan Jepun telah menunjukkan bahawa pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki dalam pelbagai tugas lisan dan juga telah menunjukkan konsep lisan sendiri yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki (Hyde & Kling 2001; Evans et.al, 2002; Melanie, 2011). Kajian-kajian ini memperkukuhkan kenyataan bahawa pelajar perempuan adalah lebih baik berbanding dengan pelajar lelaki dalam pemerolehan bahasa. Ini menimbulkan perasaan ingin tahu pengkaji untuk meninjau sejauh mana perbezaan penguasaan dalam kesusasteraan tradisional antara pelajar lelaki dengan perempuan dan bagaimana ianya memberi kesan kepada pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Cina

### **Objektif dan Kajian**

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengenal pasti tahap penguasaan pelajar-pelajar dalam kesusasteraan tradisional Cina di dua buah sekolah menengah jenis kebangsaan.
- (ii) Mengenal pasti perbezaan tahap penguasaan kesusasteraan tradisional Cina antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

- (iii) Mengenal pasti hubungan antara tahap penguasaan kesusasteraan tradisional Cina dengan pencapaian akademik pelajar.

Daripada objektif kajian di atas, pengkaji menetapkan tiga soalan kajian seperti berikut:

- (i) Apakah tahap penguasaan pelajar dalam kesusasteraan Tradisional Cina di dua buah sekolah menengah jenis kebangsaan?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam tahap penguasaan kesusasteraan tradisional Cina?
- (iii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kesusasteraan tradisional Cina dengan pencapaian akademik pelajar?

### **Teori Pemerolehan Bahasa**

Penguasaan bahasa adalah proses manusia memperoleh kemampuan untuk melihat dan memahami bahasa, serta untuk mengeluarkan dan menggunakan perkataan dan ayat untuk berkomunikasi. Penguasaan bahasa biasanya merujuk kepada pemerolehan bahasa pertama, yang mengkaji cara bayi menguasai bahasa ibunda mereka. Penguasaan bahasa adalah isu penting kepada penyelidik dalam bidang linguistik. Pelbagai teori dari bidang yang berbeza telah dikemukakan untuk menjelaskan isu ini. Secara umum, teori penguasaan bahasa atau pemerolehan bahasa boleh dibahagikan kepada dua jenis: teori kognitif yang menekankan kesan biologi dan teori-teori yang menegaskan pengalaman behaviorisme dan kesan alam sekitar.

Teori kognitif dipelopori oleh Jean Piaget (1896-1980) yang terkenal dengan Teori Perkembangan Kognitif Piaget dan menegaskan bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak adalah berhubung rapat dengan perkembangan mentalnya. Teori ini dipersetujui oleh Noam Chomsky (1928- ), seorang ahli psikolinguistik dari Amerika Syarikat. Beliau mengemukakan pendapat bahawa manusia adalah secara biologi dilahirkan dengan kebolehan menguasai bahasa pada masa tertentu (Santrock, 2007). Dengan kata lain, potensi berbahasa manusia adalah dilahirkan semula jadi dan penguasaan bahasa boleh berlaku tanpa pengajaran formal di sekolah (Abd. Aziz, 2000). Sebagai contohnya, menurut beliau, seorang dewasa yang tidak pernah bercakap dengan bayinya di bawah umur satu tahun, tetapi bayi ini masih dapat menguasai bahasa.

Berbeza dengan pandangan ahli psikologi yang mempercayai bahawa penguasaan bahasa adalah ditentukan secara semula jadi, ahli teori behavioris menegaskan kebolehan berbahasa seseorang adalah berhubung kait dengan faktor persekitaran. Menurut ahli teori behaviorisme yang terkenal, B. F. Skinner (1904-1990) mengatakan bahasa itu adalah satu perilaku yang boleh dipelajari melalui pengalaman dan penegasan yang diperoleh (Santrock, 2007). Dengan kata lain, penguasaan sesuatu bahasa itu berlaku kerana orang dewasa di sekelilingnya memberi penegasan atau ganjaran semasa mengajar kanak-kanak bercakap (Abd. Aziz, 2000). Teori ini kemudiannya diperbaiki lagi oleh Albert Bandura (1925- ) yang mengutarakan pendapat bahawa penguasaan bahasa itu berlaku kerana terdapat peniruan (*imitation*) dan pengukuhan yang diperoleh daripada orang dewasa di sekelilingnya (Theresia Kristianty, 2006).

Satu soalan utama dalam pemerolehan bahasa adalah bagaimana kapasiti ini diambil oleh bayi dari input linguistik. Input dalam konteks linguistik ditakrifkan sebagai “semua perkataan, konteks, dan bentuk bahasa lain yang didedahkan kepada pelajar, berbanding dengan kemahiran yang diperoleh dalam bahasa pertama atau kedua” (Sakai, 2005). Nativists mendapati adalah sukar untuk mempercayai, memikirkan sifat bahasa manusia yang sangat kompleks, dan kebolehan kognitif bayi yang agak terhad, bahawa bayi mampu untuk memperoleh banyak aspek bahasa tanpa diajar secara eksplisit. Kanak-kanak, dalam masa beberapa tahun kelahiran, sudah memahami tatabahasa bahasa ibunda mereka tanpa diajar secara eksplisit, sebagaimana seseorang pelajar mempelajari tatabahasa di sekolah (Sakai, 2005). Pelbagai teori pemerolehan bahasa telah dicadangkan untuk menerangkan masalah ini. Teori-teori ini yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh seperti Noam Chomsky dan sarjana-sarjana lain, termasuk Innatisme dan Psikologi Nativisme, di mana kanak-kanak dilahirkan bersedia dengan kapasiti ini dalam beberapa cara, bertentangan dengan teori-teori lain bahawa bahasa adalah belajar kemahiran kognitif lain semata-mata, termasuk kemahiran motor biasa seperti belajar menunggang basikal.

Konflik antara teori-teori ini menganggap manusia dilahirkan dengan pengetahuan sintaksis dan orang-orang yang menuntut semua ilmu itu adalah hasil pembelajaran dari persekitaran seseorang yang sering dirujuk sebagai perdebatan “semula jadi dan memupuk” (*nature and nurture*). Sesetengah sarjana berfikir bahawa terdapat beberapa ciri-ciri pemerolehan bahasa bahawa otak manusia secara automatik disambungkan ke wayar (komponen “semula jadi”) dan beberapa aspek yang dibentuk oleh persekitaran bahasa tertentu bahawa seseorang dibangkitkan (komponen “memupuk”). Namun ahli biologi evolusi, terutamanya membantah kuat dengan anggapan pengetahuan sintaksis secara genetik dikodkan dan disediakan oleh pendawaian automatik otak.

Kajian ini akan mengaplikasikan teori behaviorisme yang mengatakan bahawa bahasa itu adalah satu perilaku yang boleh dipelajari melalui pengalaman dan penegasan yang diperoleh selain berhubung rapat dengan faktor persekitaran. Oleh itu, teori ini didapati lebih sesuai dan relevan dengan kajian ini.

### **Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk mengumpul maklumat berkenaan dengan tahap pencapaian akademik pelajar tingkatan empat dalam kesusasteraan tradisional Cina. Menurut Creswell (2011), kaedah tinjauan atau survei adalah sesuai untuk menerangkan trend dalam sesuatu populasi. Dalam kajian ini, pengumpulan data adalah berdasarkan maklum balas responden kajian terhadap satu ujian penguasaan dan borang soal selidik yang diedarkan.

### **Pemilihan Sekolah**

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK 1 dan SMJK 2) di daerah Klang, Selangor. Daerah Klang ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana tempat ini mempunyai 21 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SJKC), 2 buah sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) dan keempat-empat buah sekolah



menengah persendirian di Selangor juga tertumpu di sini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Tempat ini juga merupakan salah sebuah tempat di mana perkembangan pendidikan Bahasa Cina dititikberatkan dan selalu mendapat sambutan baik dari masyarakat Cina tempatan apabila terdapat sebarang usaha pengumpulan dana untuk pembangunan pendidikan Bahasa Cina ([sinchew-i.com](http://sinchew-i.com), Jun 24, 2009). Kajian seperti ini belum pernah dijalankan sedangkan majoriti pelajar di dua buah sekolah ini harus mengambil kertas Bahasa Cina pada peringkat PMR dan SPM.

Selain itu, para pelajar di SMJK 1 dan SMJK 2 ini berpotensi untuk didedahkan kepada pengajaran kesusasteraan Tradisional Cina dengan waktu pembelajaran Bahasa Cina sebanyak lima waktu atau 200 minit seminggu dan dijadualkan dalam jadual waktu sekolah. Bagi sekolah menengah kebangsaan yang lain, hanya tiga waktu iaitu bersamaan 105 minit diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina atau pun kelas dijalankan di waktu persekolahan melalui kelas bahasa ibunda (POL) yang biasanya diadakan pada waktu petang atau pada hari Sabtu.

### **Instrumen Kajian**

Untuk mengumpul data kajian ini, dua instrumen digunakan, iaitu satu set soalan ujian pencapaian pelajar dalam pembelajaran kesusasteraan tradisional Cina dan juga satu set soal selidik. Ujian ini dibina oleh pengkaji berdasarkan isi kandungan kurikulum termasuk buku teks yang telah dipelajari pada peringkat sekolah menengah rendah. Ujian ini lebih mengutamakan aspek pengetahuan asas dan pemahaman pelajar dalam konteks kesusasteraan tradisional Cina.

Sebanyak 50 soalan dibina dalam tiga bahagian; bahagian A merupakan tiga buah pemahaman prosa tradisional Cina, bahagian B pula ialah dua buah pemahaman puisi tradisional Cina manakala bahagian C merupakan soalan-soalan berkenaan dengan *mingju jinghua* (mestika Cina). Dalam setiap bahagian ujian ini, soalan berlandaskan format peperiksaan SPM.

Kesahan kandungan instrumen ini diperoleh dengan mendapat persetujuan atas pembinaan setiap item dalam kertas ujian ini daripada ketua panitia Bahasa Cina, Puan T.; jurulatih utama Bahasa Cina Selangor, Puan W.; penolong Ketua pemeriksa PMR, Encik T. dan Penolong Pengarah Bahasa Cina negeri Selangor, Puan L. yang juga mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Cina melebihi 10 tahun.

Soal selidik kajian ini dibina berlandaskan teori pemerolehan bahasa yang telah dibincang sebelum ini. Soal selidik ini terdiri daripada 40 item yang dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu bahagian A, B, C, D, dan E. Bahagian A adalah berkenaan dengan maklumat latar belakang responden, Bahagian B pula terdiri daripada 7 item untuk mengenal pasti sikap responden terhadap kesusasteraan Tradisional Cina. Bahagian C pula terdiri daripada 9 item untuk mengetahui pengaruh ibu bapa dalam penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina pelajar. Bahagian D memaparkan 10 item bagi mengukur persetujuan responden berkenaan dengan pengaruh guru dalam penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina dalam mata pelajaran Bahasa Cina. Bahagian E merupakan 14 item yang memaparkan cara pengajaran mengikut pendapat responden untuk meningkatkan

pencapaian diri mereka dalam pembelajaran kesusasteraan tradisional Cina. Bahagian B, C, D dan E diukur dengan skala Likert lima mata dari tidak setuju (1) hingga sangat setuju (5).

Selepas pengesahan dilakukan, kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang responden untuk menguji tahap kebolehpercayaan soal selidik ini dan mendapati nilai alpha cronbach pada aras .81, ini bererti alat kajian ini sangat tekal dan boleh diteruskan kajian seterusnya.

Dalam kajian ini, statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan, manakala statistik inferens yang digunakan ialah ujian-t untuk mencari perbezaan antara pemboleh ubah, dan korelasi Pearson-r digunakan untuk menentukan hubung kait antara pemboleh ubah.

### **Responden Kajian**

Dalam kajian ini, saiz responden ialah sebanyak 104 daripada populasi 1,028 orang pelajar di dua buah sekolah kajian. Kaedah pensampelan rawak berstrata digunakan dalam pemilihan responden. Responden kajian daripada setiap sekolah ialah sebanyak 52 orang pelajar secara seimbang yang membentuk 26 orang pelajar lelaki dan 26 orang pelajar perempuan.

Kebanyakan responden mempunyai pencapaian akademik yang baik dalam kertas Bahasa Cina PMR pada tahun 2013. Sejumlah 26 (25%) orang responden mendapat gred A, 12 (11.5%) orang pelajar memperoleh gred B, 7 (6.7%) orang pelajar mendapat gred C, 6 (5.8%) orang pelajar memperoleh gred D dan hanya 1 (1%) orang pelajar mendapat gred E.

Tahap pendidikan bapa responden menunjukkan 64.1% daripada mereka mendapat pendidikan sehingga sekolah menengah rendah atau sekolah menengah atas sahaja. Oleh yang demikian, kebanyakan daripada mereka ini menceburkan diri dalam dunia perniagaan atau bekerja sebagai buruh mahir sahaja. Buruh mahir di sini merangkumi kerja-kerja seperti jurujual, mekanik, pemandu teksi, kerja-kerja pertukangan dan sebagainya. Keadaan yang sama juga dapat diperhatikan pada tahap pendidikan ibu responden. Sebanyak 74.1% atau 77 orang ibu responden hanya mencapai pendidikan pada peringkat sekolah menengah sahaja. Selain itu, hanya 14.4% (15 orang) daripada ibu responden yang mendapat pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Ini sesungguhnya dapat menjelaskan sebabnya dapatan kajian menunjukkan 65.4% (68 orang) daripada ibu responden adalah bekerja sebagai suri rumah tangga.

### **Dapatan Kajian**

Soalan Kajian 1: Apakah tahap penguasaan pelajar dalam kesusasteraan Tradisional Cina di dua buah sekolah menengah jenis kebangsaan?

Tahap penguasaan pelajar dalam kesusasteraan tradisional Cina ditentukan dengan mengagihkan satu set ujian penguasaan yang digubal oleh pengkaji. Keputusan

penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina pelajar ini dibandingkan di antara dua buah sekolah dalam lokasi kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3

*Tahap Penguasaan Kesusasteraan Tradisional Cina Pelajar di Dua Buah Sekolah*

	Tahap Penguasaan Kesusasteraan Tradisional Cina								
	MFE* (50%)			MFK** (50%)			Markah Penuh (100%)		
	SMJK 1	SMJK 2	Σ	SMJK 1	SMJK 2	Σ	SMJK 1	SMJK 2	Σ
M	25.46	21.08	23.27	17.65	14.92	16.29	43.12	36.00	39.56
Med	26.00	20.00	22.00	18.00	14.00	16.00	41.00	34.00	38.00
SP	7.11	5.72	6.79	6.88	6.08	6.60	11.90	10.35	11.66
Min	12.00	10.00	10.00	6.00	4.00	4.00	22.00	18.00	18.00
Max	42.00	36.00	42.00	32.00	28.00	32.00	72.00	54.00	72.00
25%	20.00	16.5	18.00	12.00	10.00	12.00	36.00	28.00	30.00
50%	26.00	20.0	22.00	18.00	14.00	16.00	41.00	34.00	38.00
75%	30.00	25.5	28.00	22.00	20.00	20.00	53.50	46.00	48.00


*Nota.* \* MFE: Markah soalan berformat peperiksaan

\*\* MFK: Markah soalan pengetahuan asas sastera

M=Min, Med=Median, SP=Sisihan Piawai, Min=Markah minimum

Jadual 3 menunjukkan secara puratanya responden kajian ini mendapat markah 39.56 daripada markah penuh 100 markah dalam ujian penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina yang diedarkan. Dalam hal ini, didapati pencapaian responden di SMJK 1 (M=43.12, SP=11.90) adalah lebih baik daripada SMJK 2 (M=36.00, SP=10.35). Pencapaian responden dalam menjawab soalan sastera tradisional yang berformatkan peperiksaan (M=23.27, SP=6.79) secara puratanya adalah lebih tinggi daripada soalan yang menguji pengetahuan asas sastera pelajar (M=16.29, SP=6.60) yang berjumlah 50 markah setiap bahagian. Apabila perbandingan di antara dua buah sekolah dibuat, sekali lagi pencapaian responden SMJK 1 dalam menjawab kedua-dua soalan berformatkan peperiksaan (M=25.46, SP=7.11) dan soalan pengetahuan sastera (M=17.65, SP=6.88) adalah lebih baik daripada pencapaian SMJK 2 bagi pencapaian soalan berformatkan peperiksaan (M=21.08, SP=5.72) dan soalan pengetahuan sastera (M=14.92, SP=6.08).

Pencapaian ujian penguasaan secara keseluruhannya ini boleh ditunjukkan dengan lakaran Box-plot dalam rajah 1 berikut.



Rajah 1. Box-plot Tahap Penguasaan Kesusasteraan Tradisional Cina.

Soalan Kajian 2: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam tahap penguasaan kesusasteraan tradisional Cina?

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam penguasaan kesusasteraan tradisional Cina, ujian-t dengan perisian komputer SPSS dijalankan. Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan ujian-t.

Jadual 4

*Keputusan Ujian-t Penguasaan Kesusasteraan Tradisional Cina mengikut Jantina*

Jantina	N	df	M	SP	Nilai t	p	Saiz Kesan (Cohen d)
Lelaki	52	102	37.69	10.48	-1.65	0.103	0.32
Perempuan	52		41.42	12.55			

Jadual 4 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan Kesusasteraan Tradisional Cina antara pelajar lelaki ( $M=37.69$ ,  $SP=10.48$ ) dan pelajar perempuan ( $M=41.42$ ,  $SP=12.55$ ),  $t(102) = -1.65$ ,  $p>0.05$ . Nilai Min antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan menunjukkan tahap penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina mereka adalah hampir sama. Walau bagaimanapun, markah purata pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Nilai Cohen d, 0.32 menunjukkan saiz kesan yang kecil. Ini bermakna bahawa jantina hanya mempunyai

kesan yang kecil terhadap pencapaian atau penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina bagi sampel kajian ini.

Soalan Kajian 3: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kesusasteraan tradisional Cina dengan pencapaian akademik pelajar?

Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina dan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Cina yang dinyatakan dalam gred, ujian korelasi Pearson- $r$  dijalankan. Ujian korelasi antara gred Bahasa Cina dengan tahap penguasaan responden dalam soalan berformatkan peperiksaan (MFE) dan soalan pengetahuan asas sastera juga dijalankan. Jadual 5 menunjukkan hasil ujian korelasi untuk menjawab soalan kajian ini.

Jadual 5

*Keputusan Korelasi Pearson- $r$  antara Ujian Penguasaan Kesusasteraan Tradisional Cina dan Gred Bahasa Cina PMR*

N = 104		Markah Ujian Kesusasteraan Tradisional Cina	MFE*	MFK**
Gred BC PMR	Nilai Pearson- $r$	.69	.63	.56
	Sig (2-tailed) $p$	.00	.00	.00

*Nota.* \* MFE: Markah soalan berformat peperiksaan

\*\*MFK: Markah soalan pengetahuan asas sastera

Dapatan kajian menunjukkan terdapat korelasi positif yang signifikan antara markah ujian penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina ( $M=39.56$ ,  $SP=11.66$ ) dan gred Bahasa Cina responden kajian dalam peperiksaan PMR ( $M=3.77$ ,  $SP=1.27$ ) dengan nilai  $r = 0.686$ ;  $p < 0.01$ . Korelasi juga signifikan antara gred Bahasa Cina dengan markah soalan berformatkan peperiksaan ( $r = 0.633$ ;  $p < 0.01$ ), dan markah soalan pengetahuan asas sastera ( $r = 0.561$ ;  $p < 0.01$ ) dalam ujian penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina. Ini bermakna semakin baik gred yang diperoleh oleh responden dalam mata pelajaran Bahasa Cina, semakin tinggi markah yang dapat diskor dalam ujian penguasaan kesusasteraan tradisional Cina. Begitu juga sebaliknya di mana semakin tinggi tahap penguasaan kesusasteraan tradisional Cina responden, maka semakin tinggi gred yang diperoleh dalam mata pelajaran Bahasa Cina.

### Perbincangan dan Interpretasi

Tahap penguasaan kesusasteraan tradisional Cina responden ini adalah tidak memuaskan dengan markah min 39.56 sahaja daripada markah penuh 100 dengan sisihan piawai 11.66. Ini bererti para pelajar dalam kajian ini memperoleh gred yang lemah.

Sehubungan itu, Chiah (2005) menyatakan bahawa sebilangan besar pelajar lepasan SPM mempunyai pengetahuan sastera yang sangat kurang dan penguasaan pengetahuan asas pelajar juga adalah kurang memuaskan. Oleh itu, tahap penguasaan kesusasteraan tradisional Cina yang lemah ini adalah berkait rapat dengan format soalan peperiksaan bahasa Cina. Para pelajar yang berpandangan negatif ini akan mempengaruhi sikap pembelajaran mereka terhadap kesusasteraan tradisional Cina. Berikutan itu, para pelajar mengambil keputusan tidak menduduki peperiksaan subjek Bahasa Cina di dalam SPM (*Sinchew Daily*, April 12, 2014).

Hasil kajian ini adalah mirip dengan kajian yang dijalankan oleh International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA, 2012) yang mengukur respons pelajar terhadap teks sastera tertentu dan tahap pemahaman mereka. Populasi sasaran mereka ialah para pelajar berumur 14 tahun dan pelajar tahun akhir sekolah menengah di Belgium (Flemish), Belgium (French), Chile, England, Finland, Iran, Italy, New Zealand, Sweden, dan Amerika Syarikat. Hasil kajian menunjukkan bahawa corak respons pelajar terhadap kesusasteraan adalah dipengaruhi oleh ciri buku sastera yang dipilih untuk bacaan mereka. Sampel buku sastera yang berbeza akan menghasilkan respons berbeza daripada para pelajar, dengan beberapa kekonsistenan merentasi kebudayaan dan sistem persekolahan.

Hasil dapatan ini menunjukkan para pelajar yang berpandangan negatif atau bersikap negatif akan mempengaruhi hasil pembelajaran mereka (Mickelson, 1990; Hudley, Daoud, Hershberg, Wright-Castro, & Polanco, 2002; Chan, 2003; Lee, 2004; Suzana, 2007). Sebagai contohnya, kajian Chan (2003) dan kajian Suzana (2007) menunjukkan sikap yang positif menggalakkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Cina dan Matematik Moden.

Dalam ujian penguasaan ini, dapat diperhatikan bahawa markah bagi penguasaan soalan yang berorientasikan peperiksaan (23.27% daripada 50%) adalah lebih tinggi daripada soalan yang berunsurkan pengetahuan asas (16.29% daripada 50%) yang biasanya tidak ditekankan kepentingannya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina.

Keputusan ini menunjukkan pelajar sekolah pada masa kini telah dididik dengan pemikiran “belajar untuk peperiksaan sahaja”. Dengan itu, segala bahan yang berkaitan dengan peperiksaan akan diambil berat oleh pelajar, maka markah penguasaan berorientasikan peperiksaan lebih memuaskan. Sebaliknya, jika bahan yang diajar hanya merupakan komponen pengetahuan tambahan yang tidak akan diuji dalam peperiksaan formal, maka pelajar akan memandang ringan terhadap komponen itu, maka pencapaian pelajar dalam pengetahuan asas kajian ini sangat mengecewakan. Kelemahan dalam penguasaan pengetahuan asas ini memberi kesan ke atas pencapaian akademik Bahasa Cina mereka (Eng, 2005; Zhang, 2009; Zhu, 2011). Hakikat ini harus didedahkan kepada pelajar-pelajar agar mereka lebih menitikberatkan penguasaan kesusasteraan tradisional Cina.

Selain itu, pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan subjek bahasa Cina di dalam SPM harus menguasai sastera tradisional Cina yang memerlukan kemahiran

membaca khusus untuk membantu mereka memahami teks dengan lebih baik, dan menyemai minat untuk belajar. Kajian yang dilakukan oleh Kim dan Kim (2014) mendedahkan bahawa ketiga-tiga kumpulan kajian mereka berbeza antara satu sama lain berkenaan dengan pemahaman mereka tentang makna literal, bertujuan, dan tersirat dalam bacaan. Penemuan mereka memberikan implikasi pedagogi bahawa untuk mengajar bahasa Cina kepada pelajar dengan tahap penguasaan bacaan yang berbeza. Oleh itu, guru-guru bahasa Cina di sekolah-sekolah menengah perlu mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berbeza untuk mengajar subjek ini terutamanya kesusasteraan tradisional Cina yang memerlukan kemahiran membaca yang berbeza.

Kajian lepas (Rita Rani, Raj Pathania & Shubhangna Sharma, 2006; Van de gaer, Pustjens, Van Damme, & De Munter, 2007; 2009) menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai pencapaian bahasa yang rendah berbanding dengan pelajar perempuan. Pelajar perempuan juga dikatakan lebih suka kepada bahan seni dan sastera berbanding dengan pelajar lelaki. Di banyak negara dan pada kedua-dua tahap umur sekolah rendah dan menengah, gender pelajar merupakan faktor penting yang menentukan perbezaan pencapaian dalam kesusasteraan secara konsisten, dengan pencapaian pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki (Hyde & Kling 2001; Evans et.al, 2002; Melanie, 2011). Perbezaan ini adalah konsisten dengan perbezaan minat pelajar dalam kesusasteraan mengikut gender (IEA, 2012).

Walau bagaimana pun, dalam kajian ini, hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina antara pelajar lelaki ( $M=37.69$ ,  $SP=10.48$ ) dan pelajar perempuan ( $M=41.42$ ,  $SP=12.55$ ),  $t(102) = -1.65$ ,  $p > 0.05$ . Di samping itu, ujian-t pencapaian dalam gred Bahasa Cina PMR juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara lelaki ( $M=3.54$ ,  $SP=1.34$ ) dan perempuan ( $M=4.00$ ,  $SP=1.72$ ) dengan  $t(102) = -1.87$ ,  $p > 0.05$ . Ini bermakna pelajar perempuan dan lelaki mempunyai pencapaian yang lebih kurang sama sahaja dalam penguasaan kesusasteraan tradisional dan mata pelajaran Bahasa Cina walaupun skor min antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan berbeza.

Seterusnya, analisis Pearson-r dibuat untuk melihat hubungan antara penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina dan pencapaian akademik mata pelajaran Bahasa Cina. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan kesusasteraan Tradisional Cina dan pencapaian akademik dalam mata pelajaran Bahasa Cina dengan nilai Pearson-r 0.686 yang merupakan hubungan yang kuat antara kedua-dua pemboleh ubah itu. Ini bermakna bahawa penguasaan yang kuat dalam sastera tradisional Cina akan membantu mereka dalam penguasaan Bahasa Cina juga.

Hasil dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian Shuhaibah (2003) dan Kalthum Ibrahim (2006) di Malaysia yang menyatakan pelajar yang dapat menguasai sastera Melayu akan mempunyai pencapaian yang lebih baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan ini juga selari dengan kajian di luar negeri seperti McClellan & Evelyn Fields (2004) Konrad, Helf & Itoi (2007) dan Kinniburgh & Byrd (2008) yang merumuskan penggunaan bahan sastera kanak-kanak dalam pengajaran bahasa dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Ini bermakna pelajar yang suka kepada kesusasteraan akan mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan

mereka yang tidak suka akan bahan sastera (Stevens, 2006; Bozorgi, 2009; Su, 2009; Zhu, 2011; British Council, 2013).

Justeru hasil kajian ini adalah menepati teori behaviorisme yang mengatakan bahawa bahasa itu adalah satu perilaku yang dipelajari melalui pengalaman dan penguahan yang diperoleh selain berhubung rapat dengan faktor persekitaran. Kesukaran untuk memperoleh A dalam bahasa Cina di dalam SPM telah membantutkan minat pelajar untuk mempelajari dan menguasai bahasa dan sastera Cina khususnya sastera tradisional. Ini ditambah dengan sikap pentadbir sekolah dan ibu bapa yang tidak menggalakkan pelajar mengambil subjek Bahasa Cina SPM kerana bimbang akan menjejaskan keputusan cemerlang mereka (*Sinchew Daily*, April 12, 2014).

### **Implikasi Kajian dan Saranan**

Hasil dapatan kajian ini telah mencerminkan sedikit sebanyak keadaan sebenar hasil pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina di dua buah sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK). Jika pelajar SMJK yang mempunyai waktu pengajaran sebanyak 200 minit seminggu hanya dapat mencapai min markah 39.56 sahaja, apakah keputusan yang akan diperoleh oleh pelajar sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang hanya mempunyai 105 minit waktu pengajaran yang diadakan dalam jadual waktu sekolah atau pun dengan kelas POL di luar waktu sekolah? Jawapannya amat nyata sekali.

Dalam kajian ini, adalah didapati bahawa minat para pelajar terhadap kesusasteraan tradisional Cina adalah rendah, selari dengan pandangan negatif mereka terhadap kesusasteraan tradisional itu. Justeru penggubal kurikulum pendidikan haruslah memfokuskan pada minat para pelajar apabila memilih petikan sastera tradisional Cina di dalam buku teks Bahasa Cina yang akan diguna pakai di sekolah nanti. Petikan yang memuatkan teks sastera tradisional Cina yang menarik dan bermutu di dalam buku teks bahasa Cina akan meningkatkan minat dan keghairahan para pelajar untuk mempelajari kesusasteraan (Wang, 2007; Yeap, 2011).

Dengan ini, keputusan kajian ini memberi manfaat kepada pihak berkenaan, terutamanya Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia agar memandang berat terhadap pelaksanaan kurikulum Bahasa Cina seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran. Pemantauan dan keberkesanan pengajaran adalah saling berkait, ini bermakna pemantauan yang berterusan dan berkesan adalah penting untuk memastikan keberkesanan (Abdul Kadir & Ismail, 1997). Kajian oleh Abdullah Sulong dan Zainura (2010) mendapati hubungan yang signifikan antara faktor pemantauan dengan pencapaian akademik pelajar di universiti dengan nilai Pearson-r 0.67.

Selain itu, kajian Hafizah Husain dan rakan-rakan (2011) pula menunjukkan bahawa hasil dari komitmen jawatankuasa serta ahli Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem (JKEES), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menunjukkan pencapaian yang agak cemerlang di mana PNGK sejumlah pelajar telah meningkat ke-2.8 dan ia juga tergolong dalam jabatan yang mempunyai jumlah kes pelajar dibuang yang paling minima. Ini menunjukkan pentingnya peranan pemantauan terhadap pencapaian akademik para pelajar. Jadi,



pemantauan yang sistematik harus dilakukan demi memastikan keberkesanan pelaksanaan kurikulum ini.

Sekiranya kelemahan ini dapat diatasi, maka penguasaan pelajar dalam kesusasteraan tradisional Cina akan meningkat dan seterusnya akan membawa kepada peningkatan sahsiah pelajar juga (Lin, 2003; Zhu, 2011). Menurut Deng (2003) dan Tu (2013), pembelajaran sastera haruslah dijalankan agar pelajar dapat merasai keseronokan, tetapi bukan penyeksaan. Ini adalah sangat penting untuk meningkatkan penguasaan pelajar dan minat pelajar terhadap bahasa Cina dan seterusnya dapat menjamin kesinambungan pendidikan Bahasa Cina di negara ini.

Menerusi hasil dapatan kajian ini, guru Bahasa Cina kontemporari akan menyedari bahawa hubungan baik antara guru dengan pelajar serta pengajaran pengetahuan asas sastera dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari kesusasteraan Cina. Dengan itu, guru harus dilengkapi dengan taktik komunikasi yang dapat menjalin hubungan akrab guru-pelajar. Ini adalah sangat penting kerana pelajar sekarang dihadkan pendaftaran 10+2 mata pelajaran SPM seperti yang dinyatakan dalam pekeliling ikhtisas 3/2009 pada 27/8/2009 dan 1/2010 pada 13/3/2010.

Di bawah sistem ini, sepuluh subjek yang boleh dipilih termasuklah enam subjek wajib, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Pendidikan Moral atau Pendidikan Islam, dan Sains, selain empat subjek elektif. Empat subjek elektif pula terdiri daripada Biologi, Fizik, Kimia, dan Matematik Tambahan untuk pelajar aliran Sains, manakala subjek Perdagangan, Prinsip Akaun, Lukisan dan Geografi untuk pelajar aliran sastera, kecuali bahasa ibunda mereka. Walau bagaimanapun, sistem 10+2 ini membenarkan pelajar bebas untuk memilih mana-mana subjek tambahan di dalam SPM, termasuklah Bahasa Cina, Kesusasteraan Cina, Bahasa Tamil, Kesusasteraan Tamil, dan Bahasa Arab. Sistem yang merangkumi dua subjek tambahan ini tidak mengambil kira dua subjek tambahan ini dalam standard pemberian biasiswa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang dibekalkan oleh kerajaan, melainkan dua subjek itu adalah subjek yang dipohon oleh pelajar berkenaan apabila mereka ingin menjadi guru bahasa (*Sin Chew Daily*, 22.3.2010). Oleh itu, guru yang berkesan bukan sahaja penting untuk meningkatkan minat belajar pelajar, malah memberi keyakinan kepada pelajar untuk mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM. Dengan ini, gejala pengurangan calon yang berterusan dalam peperiksaan SPM setiap tahun akan dapat diselesaikan.

### **Kesimpulan**

Sastera berperanan dalam mewarisi budaya sesuatu bangsa dan tidak boleh dipandang remeh. Memandangkan pelajar masa kini tidak lagi menyukai sastera Cina tradisional, maka fenomena ini harus dipandang berat, langkah yang berkesan harus diambil untuk menghalang masalah ini daripada berleluasa. Kajian ini menunjukkan penguasaan sastera dan pencapaian bahasa mempunyai hubungan yang positif. Ini bermakna penguasaan yang baik dalam kesusasteraan tradisional akan menjamin kecemerlangan dalam pencapaian bahasa. Polisi kerajaan tentang pemilihan subjek peperiksaan SPM, pengurusan pentadbir sekolah dalam menyusun jadual waktu

pengajaran Bahasa Cina, galakan daripada pihak sekolah dan ibu bapa, pengajaran guru akan mempengaruhi minat para pelajar mempelajari dan seterusnya memilih Bahasa Cina sebagai subjek elektif dalam SPM. Dengan adanya kerjasama dari peringkat atasan ke bawahan ini, maka harapan agar generasi muda mewarisi kebudayaan Cina dan memastikan kesinambungan pendidikan Bahasa Cina di tanah air Malaysia ini adalah cerah.

## Rujukan

- Abdul Kadir, A. L. & Ismail, M. (1997). The relationship between training effectiveness and performance [Hubungan antara keberkesanan latihan dan pencapaian]. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 5(2), 73-82.
- Abdullah Sulong Wan Yusof & Wan Zainura (2010). *Pengaruh sistem penasihat akademik terhadap tahap pencapaian akademik pelajar*. Dimuat turun daripada [http://eprints.utm.my/10832/1/Pengaruh\\_Sistem\\_Penasihat\\_Akademik\\_Terhadap\\_Tahap\\_Pencapaian\\_Akademik\\_Pelajar.pdf](http://eprints.utm.my/10832/1/Pengaruh_Sistem_Penasihat_Akademik_Terhadap_Tahap_Pencapaian_Akademik_Pelajar.pdf)
- Bozorgi, S. (2009). *On the relationship between locus of control and the grade point average of the Iranian Azad University EFL students* [Hubungan antara kawalan lokus dengan gred purata dalam kalangan pelajar Iran program EFL Universiti Azad]. Dimuat turun daripada <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED505569.pdf>
- British Council. (2013). *The role of literature in English language teaching* [Peranan kesusasteraan dalam pengajaran bahasa Inggeris]. Dimuat turun daripada <http://www.teachingenglish.org.uk/blogs/admin/role-literature-english-language-teaching>
- Chia, N. Y. (2005). *Chinese students dropout problem in native language class at a national secondary school* [Masalah pelajar Cina mengundurkan diri dalam kelas bahasa ibunda di sekolah menengah kebangsaan]. Projek Sarjana Pendidikan, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Chiah, S. (2005). Zhongxue wenxue jiaoyu dagang gailun [Perbincangan tentang sukatan pelajaran pendidikan kesusasteraan di sekolah menengah]. In Hou Kok Chung (ed.), *Bainian Malaixiya huaren wenhua he jiaoyu: Huigu yu yuce* [Kebudayaan dan Pendidikan Cina Malaysia 100 Tahun: Imbauan dan Ramalan] (pp. 265-285). Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Craft, A. (2001). *An analysis on research and literature on creativity education* [Analisis penyelidikan dan kesusasteraan dalam pendidikan kreativiti]. Laporan disediakan untuk Qualifications and Curriculum Authority.
- Creswell, John W. (2011). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* [Penyelidikan pendidikan: Perancangan, pelaksanaan dan penilaian penyelidikan kuantitatif dan kualitatif] (4<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Deng, S. L. (2003). *Yuyan nengli he wenxue xiuyang: Xin shiji yuyan he wenxue jiaoxue*. [Kecekapan berbahasa dan pencapaian sastera: Pengajaran bahasa dan kesusasteraan Abad Baru]. Hong Kong: Joint Publishing.
- Duff, A. & Maley, A. (2007). *Literature (Resource books for teachers)* [Kesusasteraan (Buku sumber untuk guru-guru)]. Oxford University Press.

- Hafizah Husain, Norbahian Misran, Salina Abdul Samad, Aini Hussain & Siti Salasia Mokri (2011). *Sistem pemantauan prestasi pelajar JKEES*. Dimuat turun daripada <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb08/b/15.pdf>
- Hudley, C., Daoud, A., Hershberg, R., Wright-Castro, R., & Polanco, T. (2002, Julai). *Factors supporting school engagement and achievement among adolescents* [Faktor-faktor yang menyokong penglibatan sekolah dan pencapaian dalam kalangan remaja]. Kertas kerja dibentangkan dalam Annual Meeting of the American Educational Research Association, New Orleans, LA.
- IEA. (2012). *Six subjects survey: literature education* [Tinjauan enam subjek: pendidikan kesusasteraan]. Dimuat turun daripada [http://www.iea.nl/six\\_subject\\_literature.html](http://www.iea.nl/six_subject_literature.html)
- Jiaoyu zongjian (2007, Disember 27). Xuesheng renshu tisheng 4689 ren, PMR quanke A 27668 ren [Pengaruh Pendidikan: Peningkatan 4689 orang murid, murid yang mendapat semua A dalam PMR sebanyak 27668 orang]. *Sinchew Daily*. Dimuat turun daripada [www://search.sinchew-i.com/node/81924](http://www://search.sinchew-i.com/node/81924)
- Jiaoyu zongjian (2010, Mac 22). 10+2 jihua, SPM xuesheng ke ziyou xuanxiu Huawen [Pengaruh Pendidikan: Program 10+2, murid bebas memilih bahasa Cina dalam SPM]. *Sinchew Daily*. Dimuat turun daripada <http://www.sinchew-i.com/node/145423>
- Kalthum Ibrahim (2006). Teknik pengajaran Bahasa Melayu melalui sastera tradisi. Dalam Norizan Abdul Razak, Rozainee Khairudin & Ravachandran Vengadasamy (eds.). *Isu-isu Pendidikan: Bahasa, Sastera dan Psikologi di Malaysia* (hlm. 61-69). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kim, M. S. & Kim, H. J. (2014). Investigating Chinese Language Learners' Reading Comprehension for Different Meaning Types [Kajian pemahaman bacaan untuk perbezaan makna dalam kalangan pelajar Bahasa Cina]. *Gema Online Journal of Language Studies*. Dimuat turun daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/3423>
- Kinniburgh, Leah H. & Byrd, Kelly (2008). Ten black dots and September 11: Intergrating social studies and mathematics through children's literature [Sepuluh titik hitam dan September 11: Mengintegrasikan kajian sosial dan matematik melalui sastera kanak-kanak]. *The Social Studies*, 99(1), 33-36.
- Konrad, M., Helf, S, & Itoi, M. (2007). More bang for the book: Using children's literature to promote self-determination and literacy skills [Giat banteras buku-buku: Menggunakan kesusasteraan kanak-kanak untuk menggalakkan penentuan nasib sendiri dan kemahiran literasi]. *Teaching Exceptional Children*, 40(1), 64-71.

- Lao, C. Y., & Krashen, S. (2000). The impact of popular literature study on literacy development in EFL: More evidence for the power of reading [Kesan kajian sastera popular kepada pembangunan literasi dalam EFL: Lebih banyak bukti tentang pengaruh bacaan]. *System*, 28(2), 261-270.
- Lee, K. H. (2004). *Pengajaran dan pembelajaran sastera dalam sukatan pelajaran KDPM pengajian Cina*. Dimuat turun daripada <http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/seminarpapers/.../leeMPRM.pdf>
- Lin Y. Y. (2003). *Gonggu zhongxue wenxue jiaoyu fa* [Memperkukuh pengajaran pendidikan kesusasteraan di sekolah menengah] (Disertasi Pendidikan Sarjana). Normal University of Fujian, Fujian, China.
- McClellan, S., & Evelyn F, M. (2004). Using African American children's literature to support literacy development [Menggunakan sastera kanak-kanak Afrika Amerika untuk menyokong pembangunan literasi]. *YC Young Children*, 59(3), 50-54.
- Md. Salleh Yaapar (2002, Ogos). *Sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk pelajar asing: Beberapa prinsip dan isu serta implikasi amali*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mickelson, R.A. (1990). The attitude-achievement paradox among black adolescents [Paradoks sikap-pencapaian dalam kalangan remaja kulit hitam]. *Sociology of Education*, 63, 44-61.
- Mohamad, M. & Amir Hossein, R. (2012). Literature and language teaching [Pengajaran kesusasteraan dan bahasa]. *Journal of Academic and Applied Studies*. 2(6), 32-38.
- Nik Safiah Karim (2002, Ogos). *Sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Pakinson, B. & Thomas, H. R. (2000). *Teaching literature in a second language* [Mengajar kesusasteraan dalam bahasa kedua]. Edinburgh: Edinburgh University.
- Peng, D. (2008). Yuyan ke de wenxue jiaoyu taolun [Perbincangan tentang pendidikan kesusasteraan dalam bahasa Cina]. *New Curriculum Research*, 11, 186-187.
- Piaget, J. (1959). *The language and thought of the child* [Bahasa dan pemikiran kanak-kanak]. (M. Grabain, Trans.). New York: Humanities Press.
- PMR chengji biaoqing (2009, Disember 24). 28,188 xuesheng kaohuo quan A [Pelajar mendapat semua A dalam peperiksaan]. *Sinchew Daily*. Dimuat turun daripada <http://tech.sinchew-i.com/sc/node/119706>

- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu*. Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.
- Rita R., Raj P. & Shubhangna S. (2006). Gender differentials in reading behaviour among children [Perbezaan jantina terhadap tingkah laku membaca dalam kalangan kanak-kanak]. *Journal Social Science*, 12(2), 125-127.
- Sakai, K. L. (2005). Language Acquisition and Brain Development [Penguasaan bahasa dan perkembangan otak]. *Science*, 310 (5749): 815-819.
- Santrock, J. W. (2007). *Psychology essentials* [Asas psikologi]. (2<sup>nd</sup> ed.). New York, NY: McGraw-Hill.
- SPM tai nan kaihuo A+, baokao Huayu ke xuesheng renshu hualuo [Terlalu sukar untuk memperolehi A+ dalam SPM, bilangan calon yang mendaftar bahasa Cina menurun]. (2014). *Sinchew Daily*. Dimuat turun daripada <http://news.sinchew.com.my/node/359583?tid=77>
- Stevens, R. J. (2006). Integrated middle school literacy instruction [Pengajaran literasi di sekolah menengah bersepadu]. *Middle School Journal*, 38(1), 13-19.
- Su, C. C. (2009). *An explanatory mixed methods study of Taiwanese junior college learners' attitudes toward their participation in literature circles* [Kajian kaedah campuran tentang sikap pelajar Taiwan di sekolah menengah rendah terhadap penyertaan mereka dalam aliran sastera] (Disertasi Doktor Falsafah, Kingsville). University Texas A&M, United States of America.
- Theresia K. (2006). Pandangan-pandangan teoritis kaum Behaviorisme tentang pemerolehan bahasa pertama. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 6, 28-33.
- Tu, X. F. (2013, Mei 10). Wenxue jiaoyu he renlei xue [Pendidikan kesusasteraan dan kemanusiaan]. *Wen Yi Press*, 6.
- Van de Gaer, E., Pustjens, H., Van Damme, J., & De Munter, A. (2007). Impact of attitudes of peers on language achievement: Gender differences [Kesan sikap rakan sebaya terhadap pencapaian bahasa: Perbezaan jantina]. *The Journal of Educational Research*, 101(2), 78-90.
- Van de Gaer, E., Pustjens, H., Van Damme, J., & De Munter, A. (2009). School engagement and language achievement: A longitudinal study of gender differences across secondary school [Penglibatan sekolah dan pencapaian bahasa: Satu kajian jangka panjang tentang perbezaan jantina di semua sekolah menengah]. *Merrill-Palmer Quarterly*, 55(4), 373-405.
- Wang, S. W. (2007). *Zouru yuyan zhi men* [Melangkah ke pintu bahasa]. Shanghai: Shanghai Education Publication.

- Wu, J. W. (2011, April 23). Xuesheng bu baokao Huawen, shei zhi guo? [Murid tidak mengambil bahasa Cina dalam peperiksaan, salah siapa?] *Sinchew Daily*. Dimuat turun daripada <http://www.sinchew.com.my/node/201983>
- Yeap, C. K. (2011). Bianxie Malaixiya Huawen keben dagang he jiaocai [Penulisan sukatan pelajaran dan bahan bantu mengajar untuk buku teks bahasa Cina di Malaysia]. *Chinese Language Globalization Studies*, 1, 179-183.
- Zhang, B. Y. (2009). Malaixiya chuzhongsheng xuexi mingju jinghua de kunjin he jie jue fang'an [Masalah pembelajaran pepatah Cina dalam kalangan murid sekolah menengah rendah dan penyelesaiannya] (Disertasi Sarjana Sastera). Beijing University of Languages, Beijing, China.
- Zhu, S. Y. (2011). Women xuyao wenxue jiaoyu [Kita memerlukan pendidikan sastera]. *Journal of Literature Online*. Dimuat turun daripada <http://www.chinawriter.com.cn>

